

## **Pelaksanaan Aktiviti Keagamaan dan Hubungannya dengan Penghayatan Kerohanian Anggota Tentera Malaysia**

*Mohd Rashidi bin Bujai, Azmil Hashim*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*maasyi69@yahoo.com*

### **ABSTRAK**

Kertas kerja ini adalah untuk meninjau peranan dan sumbangan aktiviti keagamaan yang dilaksanakan di Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI) dalam menjana kekuatan tempur anggota tentera (Spiritual Combat Power). Aktiviti keagamaan merupakan salah satu elemen pendidikan yang digunakan di ILMI yang diadaptasi daripada Tarbiyyah Askariyyah Khalid Shantut (2003). Kajian ini berbentuk tinjauan untuk mencari maklumat tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) pendidikan Islam ILMI dalam membentuk keperibadian dan rohani anggota sepanjang kursus dilaksanakan. Maklumat diperoleh adalah melalui soalan soal selidik yang diedarkan kepada pelatih-pelatih yang telah menghadiri kursus di ILMI. Pelatih—pelatih dikehendaki memberi respon terhadap 127 item yang berkaitan penilaian input, proses dan produk yang diadaptasi daripada model CIPP. Respon skala likert lima mata digunakan dalam soal selidik. Statistik deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai bertujuan untuk melaporkan dapatan kajian tentang aktiviti keagamaan dan penghayatan kerohanian. Manakala korelasi Pearson digunakan untuk hubungan antara aktiviti keagamaan dan penghayatan kerohanian. Manakala analisis korelasi yang dijalankan menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara aktiviti keagamaan dan penghayatan kerohanian

Kata kunci : aktiviti keagamaan dan penghayatan kerohanian

### **PENDAHULUAN**

Islam telah dianggap oleh pihak Barat sebagai agama yang disebarkan melalui mata pedang. Anggapan yang keliru dan mengelirukan serta mengandungi unsur-unsur prejudis ini telah lama di canang oleh musuh-musuh Islam dan ianya diterima oleh kebanyakan orang. Walau bagaimanapun hakikat Islam sebagai ad-din yang membawa gagasan rahmat dan keselamatan sejagat masih tetap asli. Dari itu ajaran Islam dan sirah Rasulullah SAW merupakan pembawa dan penyampai risalah Islam. Allah s.w.t telah menetapkan bahawa kepentingan dunia dan kepentingan prinsip Islam di atas muka bumi ini perlu dipertahankan. Tanggungjawab ketenteraan dalam Islam merupakan kewajipan akidah dan jihad yang berlandaskan syariat serta akhlak Islam yang perlu dilaksanakan melalui tanggungjawab kepimpinan negara Islam yang sah. Ketenteraan merupakan profesion yang mulia dan disanjung tinggi dalam Islam. Ianya dianggap sebagai satu tugas atau profesion yang menjaga kestabilan serta keamanan negara. Ia berperanan sebagai satu agensi terpenting dalam sesebuah negara. Apabila sesebuah negara memiliki pertahanan yang kuat dan kental maka ia amat digeruni dan dihormati samada kawan mahupun lawan. Jatuhnya sesebuah negara adalah melambangkan kelemahan dan kerapuhan pertahanan yang dimiliki oleh negara tersebut. Al-Mawardi (1960) dalam *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, telah menyentuh aspek ketenteraan dan dihubungkan dengan aspek kepimpinan. Ia menyebutkan bahawa apabila sesebuah negara dalam keadaan darurat maka pemimpin yang perlu dilantik adalah di kalangan tentera. Oleh yang demikian, tentera merupakan sekumpulan

manusia yang mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu khususnya dalam taktik dan strategik peperangan yang telah dipersiapkan oleh kerajaan yang berperanan dalam menentang musuh dan mempertahankan negara. Dalam kitab suci al-Qur'an, terdapat beberapa ayat yang menyentuh aspek ketenteraan dan juga peperangan yang dibenarkan oleh Syarak.

## **PERNYATAAN MASALAH**

KAGAT telah ditubuhkan pada tahun 1985 dan kini telah berusia 29 tahun. Namun demikian masih terdapat masalah dan kes-kes yang berkaitan dengan akhlak dan moral yang berlaku di kalangan warga Tentera Malaysia. Ini berdasarkan data statistik salah laku yang menggambarkan masih wujud masalah tersebut dan ini sepatutnya tidak berlaku dalam sebuah organisasi yang cukup disiplin dan terkawal. Menurut Abdul Rahman (2008) punca-punca anggota melakukan pelbagai kesalahan jenayah itu adalah disebabkan pelbagai faktor di antaranya pengaruh sosial, pengaruh persekitaran masyarakat, pengaruh alkohol dan perjudian, kekurangan pendidikan dan pengetahuan agama, penyalahgunaan dadah, tapisan yang longgar ketika kemasukan, kekurangan motivasi, kekurangan pengawasan, beban hutang, peluang melakukan jenayah, masalah pentadbiran, masalah kepincangan rumah tangga dan juga pengaruh media.

Berdasarkan punca-punca yang telah dinyatakan, faktor kekurangan pendidikan dan pengetahuan agama turut menyumbang kepada masalah ini. Oleh yang demikian, sejauh manakah usaha-usaha dakwah yang telah dijalankan oleh KAGAT dan memberikan kesan penghayatan agama kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia? Untuk melihat sejauh mana usaha dakwah yang telah dijalankan dan bagaimana tahap penghayatan agama Angkatan Tentera Malaysia, kajian ini cuba melihat aspek tersebut. Namun begitu, di dalam perbincangan ini ia hanya melihat keberkesanan *tarbiyyah ruhiyyah* (pendidikan spiritual) dan hasilnya melalui proses latihan yang dilaksanakan di Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI) di Port Dickson, Negeri Sembilan.

## **INSTITUT LATIHAN DAN KEFAHAMAN ISLAM ATM (ILMI)**

Institut Latihan dan Kefahaman Islam Angkatan Tentera Malaysia atau nama singkatnya ILMI merupakan sebuah pusat latihan keagamaan dan kerohanian ATM. Pada asasnya ILMI mempunyai dwifungsi iaitu sebagai pusat latihan Islam dan keagamaan bagi anggota ATM dan dalam masa yang sama merupakan pusat latihan kerjaya kepada anggota KAGAT. Konsep latihan dan pendidikan yang dilaksanakan di ILMI adalah berteraskan kepada konsep seperti berikut;

- 1) *Ta'lim* (Pengajaran dan Pembinaan Ilmu). Penekanan kepada pengajaran ilmu-ilmu Islam khususnya yang berhubung dengan fardu ain (teori dan amali) yang mempunyai hubungan yang rapat dengan amalan seharian anggota tentera. Abdul Fattah Jalal (1988) cenderung untuk memilih perkataan *al ta'lim* sebagai asas pendidikan bagi menggambarkan makna pendidikan yang sebenar. Pada pandangan beliau, proses *al ta'lim* adalah lebih universal berbanding dengan proses *al tarbiyyah*.
- 2) *Tadrib* (Latihan dan Praktikal). Memberikan latihan dan praktikal supaya ilmu – ilmu yang diberikan dapat diamalkan secara baik dengan berasaskan tatacara yang benar dan betul. Konsep ini dilaksanakan bagi memberikan gambaran yang jelas kepada anggota tentera yang dilatih tentang kaedah dan tatacara sebenar pelaksanaan sesuatu ibadah yang dilakukan.

3. *Ta'dib* (Pembentukan peribadi). Latihan dan pengajaran ini menekankan kepada fokus pembentukan peribadi termasuk soal akhlak dan nilai-nilai murni yang bersifat sejagat bagi melahirkan insan yang mulia, baik, bertanggungjawab terhadap diri, keluarga dan organisasi. *Ta'dib* bermaksud upaya mendidik akhlak seseorang supaya berjiwa bersih, berbudi pekerti baik, berperilaku terpuji, berdisiplin dan beradab.
4. *Tawjih* (Bimbingan dan khidmat nasihat). Memberikan bimbingan dan khidmat nasihat kepada anggota yang memerlukan dan memberi kesedaran kepada anggota tentang kefahaman Islam.
5. *Irshad* (Memberi panduan). Memberikan panduan-panduan sistematik ke arah amalan-amalan sunnah yang relevan dengan tugas ketenteraan (Buku Panduan Latihan ILMI, 2003).

### KONSEP PENDIDIKAN ILMI

Konsep pendidikan ILMI adalah merangkumi perkara-perkara berikut;

1. Falsafah pendidikan ILMI adalah seperti berikut;
  - a. Memperkembangkan potensi warga tentera secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berlandaskan akhlak serta nilai murni Islam.
  - b. Melahirkan warga tentera yang berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab serta mampu melaksanakan fungsi masing-masing dalam menjayakan misi ATM serta kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.
2. Matlamat pendidikan ILMI adalah untuk melahirkan warga tentera yang beriman dan bertaqwa melalui Kurikulum Pendidikan Islam yang telah ditetapkan dan Pelaksanaan Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM (PMAT 9/91) ke arah menjayakan matlamat dan misi ATM. PMAT 9/91 merupakan dasar penting bagi pembangunan sumber manusia ATM dan ianya merupakan '*core business*' yang diamanahkan kepada KAGAT umumnya ILMI khususnya. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab ILMI melaksanakan program ini sepanjang tahun berdasarkan keperluan jumlah jam yang telah ditetapkan. Program ini memberi penekanan kepada dua bentuk pembinaan iaitu;
  - a. **Pembinaan Ketahanan Mental.** Ia dilakukan melalui kaedah pengisian ilmu pengetahuan Islam yang mencakupi ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Bimbingan ini kebiasaannya dilakukan di ILMI dengan program ceramah bulanan atau tazkirah ringkas selepas Solat Fardu.
  - b. **Pembinaan Ketahanan Spiritual.** Ia dilakukan melalui kaedah latihan penghayatan amal Islami yang sahih dan tepat melalui bimbingan anggota KAGAT. Kaedah latihan ini terdiri daripada aktiviti-aktiviti seperti Amalan Bacaan Ma'thurat, Qiamullail, Halaqah Zikir selepas sembahyang fardu lima waktu dan malam jumaat, Tilawah Al Quran selepas sembahyang dan Solat Berjemaah Lima Waktu.

## KEKUATAN TEMPUR SPIRITUAL ANGGOTA TENTERA (SPIRITUAL COMBAT POWER)

Kekuatan sesebuah angkatan tentera itu dapat dibina dari pelbagai aspek kekuatan dan kekuatan itu pula dapat dilihat dari pelbagai sudut dan aspek. Dari segi bahasa "kekuatan" bermaksud: "Tenaga, daya, kekuasaan, keteguhan dan kekukuhan. Tempur bermaksud berjuang, berperang. Manakala "spiritual" pula bermaksud: Mengenai roh, kejiwaan atau bersifat rohaniah, kerohanian (Kamus Dewan 2005).

Dari segi istilah kekuatan tempur spiritual (spiritual combat power) memberi maksud: "Elemen berkaitan roh dan kejiwaan atau kerohanian yang menjadi pendorong dalam perjuangan dan peperangan bagi mencapai matlamat yang dicita-citakan. Dalam erti kata yang lain ia juga boleh didefinisikan sebagai: Semangat juang atau *spiritual strength* iaitu kekuatan tersembunyi yang wujud dalam diri anggota tentera yang mampu bertindak sebagai penggerak yang menjadikan mereka tabah dan berani mengharungi apa jua bentuk kesusahan, kepayahan dan bahaya meskipun tekanan perang bertambah iaitu sebagaimana yang dinyatakan oleh Hazim Abdul Qahar al-Rawi:

*"A secret power that exists within military personnel which acts as a 'driving force' to keep them steadfast and courageous in any kind of hardship, difficulty, or danger, despite the increased degree of pressure during battle."*

Anggota tentera yang berkualiti memerlukan satu pengisian yang jelas dan bersepadu dari aspek fizikal, mental dan spiritual. Kekuatan fizikal akan menjamin daya mobiliti dan kepantasan bertindak khasnya sewaktu semasa operasi dan peperangan. Kekuatan mental pula menjadi faktor penentu ketahanan seseorang anggota menghadapi ujian semasa mengharungi situasi gawat dan getir (combat stress) dan sebagainya. Kekuatan spiritual menjamin wujudnya daya tempur (spiritual combat power) operasi dan latihan dan ia sekali gus menjadi benteng yang kukuh. Abdullah al-Namiri dalam bukunya *Al-Harb 'Abra al-Tarikh* mencatat perakuan Field Marshal Montgomery yang memperakui kekuatan spiritual adalah elemen terpenting yang menentukan kecemerlangan seseorang anggota di medan tempur. Beliau menjelaskan:

*"Spiritual strength is that fighting spirit which is considered to be the first of the vital factors for success in battle, because in it reflected all the attributes which should be found in military personnel, including character, discipline, courage, truthfulness, ability and capacity to face difficult conditions, and which prevents the loss of faith or motive for struggle."* (Abdullah An-Namiri)

Kekuatan tempur spiritual dilahirkan daripada keimanan dan kepercayaan kepada agama dan kepercayaan masing-masing. Kekuatan ini akan melahirkan barisan tentera yang kuat, berdisiplin, mempunyai semangat juang dan kerjasama yang utuh untuk memenangi sesuatu perjuangan mahupun peperangan. Tidak dapat dinafikan bahawa elemen kekuatan kerohanian ini lazimnya terhasil daripada asuhan, pendidikan serta ajaran agama atau sesuatu ideologi perjuangan yang dianuti oleh seseorang anggota tentera. Bagi kalangan anggota yang beragama Islam khasnya, elemen agama memainkan peranan penting di dalam mencetuskan kekuatan tempur spiritual anggota. Hal ini telah dibuktikan menerusi sejarah kepahlawanan dan kecemerlangan anggota tentera Islam lampau yang telah mencapai kemenangan yang menakjubkan dalam peperangan yang telah ditempuhi. Keseimbangan antara kekuatan fizikal dan spiritual akan amat diperlukan bagi menjamin keupayaan maksimum sesebuah angkatan tentera. Hal ini sangat dititik beratkan oleh Nabi Muhammad SAW yang bukan sahaja seorang rasul bahkan

juga seorang panglima tentera yang terbilang dalam sejarah ketenteraan. Baginda telah memimpin tentera Islam menerusi dua puluh lapan peperangan di mana dua puluh enam daripadanya mendapat kemenangan, sementara dua peperangan mengalami kekalahan iaitu Peperangan Uhud dan Hunain disebabkan masalah disiplin anggota dan kelekaan dengan bilangan anggota yang ramai. Keseimbangan membina angkatan tentera di zaman Nabi Muhammad telah dinyatakan oleh Al-Fazlur Rahman di dalam bukunya “Muhammad as a Military Leader”:

*“Muhammad was very realistic, so he did not ignore preparations for war or slacken in his efforts. He achieved wonderful balance between the spiritual and the material power.”*

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah kajian yang berbentuk tinjauan yang melibatkan penggunaan instrumen borang soal selidik. Menurut Mohd Majid (2004) kaedah soal selidik ini bertujuan untuk mengumpul data mengenai pemboleh ubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut wujud. Sidi Gazalba (1981) menjelaskan bahawa kaedah tinjauan merupakan satu kajian untuk mengumpul data daripada sejumlah unit atau individu dalam sesuatu masa. Selain itu, kajian ini juga menggabungkan dapatan daripada data-data kuantitatif dengan dapatan daripada data-data kualitatif yang diperoleh daripada kajian-kajian lepas dan sumber-sumber perpustakaan. Ia bertujuan melengkapkan dapatan daripada data-data yang diperoleh melalui kaedah kuantitatif. Oleh itu data yang diperoleh dapat memberikan satu keputusan yang logik dan pengkaji dapat memperoleh maklumat dan data lebih banyak manakala sampel kajian yang diperoleh akan menunjukkan gambaran keseluruhan populasi. Strata yang dipilih dalam kajian ini adalah pelatih-pelatih yang telah menghadiri kursus di ILMI sama ada kerjaya mahupun fungsional. Seramai 340 orang pelatih telah dipilih sebagai responden daripada jumlah kekuatan dan populasi 2456 orang pelatih yang pernah berkursus di ILMI. Oleh yang demikian berdasarkan persampelan Krejcie dan Morgan (1970) dan Sekaran (1992) sampel bagi pelatih yang mempunyai populasi 2456 orang, bilangan minimum saiz sampelnya ialah 331. Namun begitu, bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya soal selidik yang tidak sempurna atau responden tidak memulangkannya, maka pengkaji menetapkan jumlah sampel pelatih yang dipilih adalah 340 orang untuk kajian secara kaedah tinjauan ini. Oleh itu penyelidik yakin saiz sampel pelatih yang dipilih adalah sesuai untuk kajian ini kerana jumlah ini melebihi saiz yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dan Sekaran (1992). Dalam kajian ini, bagi penentuan kesahan kandungan instrumen soal selidik dan temubual, sebuah panel rujukan dibentuk untuk menentukan kesahan kandungan dan kesesuaian item-item yang digunakan dalam instrumen penyelidikan ini. Panel rujukan kesahan kandungan instrumen terdiri daripada enam orang yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang masing-masing yang terdiri daripada pakar pendidikan Islam, mempunyai kepakaran dalam penyelidikan dan pengalaman luas dalam pendidikan Islam ketenteraan untuk memastikan kesahan kandungan dan kesahan muka. Mereka terdiri daripada pensyarah, pegawai pembuat dasar dan latihan dan pemegang tugas dalam mengendalikan pendidikan dan latihan. Proses kesahan yang melibatkan cadangan dan teguran dari aspek kandungan, penggunaan bahasa dan kejelasan maksud item ini adalah bagi menghasilkan instrumen kajian yang lebih mantap. Dapatan kertas kerja ini hanya melibatkan satu elemen pendidikan sahaja iaitu Pelaksanaan Aktiviti kerohanian dalam penilaian dan penghayatan pelatih pada pelaksanaan proses dan keberhasilan produk. Seterusnya analisis korelasi yang dijalankan bagi menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara penilaian input dengan pencapaian pelatih dan wujudnya hubungan yang signifikan antara penilaian proses dengan pencapaian pelatih.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **(a) Pelaksanaan Aktiviti Keagamaan**

Dapatan kajian tentang pelaksanaan aktiviti keagamaan pada keseluruhannya telah memperoleh interpretasi pada tahap sederhana tinggi dengan skor (min=3.67, sp=0.54). Ia menggunakan lima belas item soalan soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Berdasarkan dapatan kajian didapati lima item berada pada tahap tinggi, sembilan item berada pada tahap sederhana tinggi dan satu item berada pada tahap sederhana rendah. Perbandingan ítem secara terperinci menunjukkan ítem solat berjemaah merupakan aktiviti wajib di ILMI beroleh skor min paling tinggi (min=4.44, sp=0.70) dengan peratus responden sangat setuju dan setuju 93.8% dan ítem dengan perolehan skor min terendah ialah saya selalu melakukan puasa sunat sepanjang berkursus di ILMI (min=2.90, sp=1.03) dengan peratus responden sangat setuju dan setuju 29.1%.

Dapatan data menunjukkan, setiap ítem yang beroleh skor min dan interpretasi pada tahap tinggi iaitu lima item di atas atau sederhana tinggi merupakan pendidikan spiritual yang bercirikan program dan aktiviti latihan yang dipimpin dalam melaksanakannya. Ini menunjukkan bahawa pelatih ILMI belum bersedia untuk melaksanakan penghayatan keagamaan secara bersendirian atau individu melainkan ianya dipimpin oleh jurulatih atau ustaz bertugas. Manakala pelaksanaan ibadah-ibadah sunat belum dijadikan sebagai amalan rutin dalam penghayatan ilmu pengetahuan sepanjang ianya berada di ILMI. Ini dibuktikan dengan pelaksanaan puasa sunat sepanjang berada di ILMI mendapat skor min yang terendah (min=2.90, sp=1.03).

Pelaksanaan Aktiviti keagamaan	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Solat berjemaah di Surau	1	2	32	143	162	4.36	0.70	Tinggi
ILMI	0.3%	0.6%	9.4%	42.1%	47.6%			
Solat berjemaah aktiviti wajib	3	3	15	140	179	4.44	0.70	Tinggi
	0.9%	0.9%	4.4%	41.2%	52.6%			
Solat Dhuha berkumpulan	21	73	123	96	27	3.10	1.02	Sederhana Tinggi
	6.2%	21.5%	36.2%	28.2%	7.9%			
Puasa sunat sepanjang kursus	29	94	118	80	19	2.90	1.03	Sederhana Rendah
	8.5%	27.6%	34.7%	23.5%	5.6%			
ILMI galakkan pelatih puasa sunat Isnin dan Khamis	20	67	116	106	31	3.18	1.03	Sederhana Tinggi
	5.9%	19.7%	34.1%	31.2%	9.1%			
ILMI galakkan pelatih berzakat dan berinjak	17	68	112	114	29	3.21	1.01	Sederhana Tinggi
	5.0%	20.0%	32.9%	33.5%	8.5%			
Membuat potongan/simpanan Tabung Haji	26	90	98	96	30	3.04	1.09	Sederhana Tinggi
	7.6%	26.5%	28.8%	28.2%	8.8%			
Qiamullail berkumpulan	7	16	82	168	67	3.80	0.88	Sederhana Tinggi
	2.1%	4.7%	24.1%	49.4%	19.7%			
Kerap melakukan qiamullail	9	31	104	146	50	3.58	0.93	Sederhana Tinggi
	2.6%	9.1%	30.6%	42.9%	14.7%			
Bacaan qiamullail secara jahar	7	23	118	151	41	3.58	0.86	Sederhana Tinggi
	2.1%	6.8%	34.7%	44.4%	12.1%			
Bacaan Al Mathurat dan zikir selepas solat	3	7	63	134	133	4.14	0.84	Tinggi
	0.9%	2.1%	18.5%	39.4%	39.1%			
Hadir majlis Yasin dan tahlil	1	2	60	157	120	4.16	0.74	Tinggi
	0.3%	0.6%	17.6%	46.2%	35.2%			
Membaca Al Quran selepas solat Zuhur	3	11	62	152	112	4.06	0.84	Tinggi
	0.9%	3.2%	18.2%	44.7%	32.9%			
Membaca Al Quran setiap hari	5	22	76	158	79	3.84	0.90	Sederhana Tinggi
	1.5%	6.5%	22.4%	46.5%	23.2%			
Mengamalkan zikir harian	3	19	98	151	69	3.78	0.86	Sederhana Tinggi
	0.9%	5.6%	28.8%	44.4%	20.3%			
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.67</b>	<b>0.54</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

### (b) Penghayatan kerohanian

Dapatan kajian tentang amalan kerohanian pula memperoleh skor min keseluruhan ítem (min=3.99, sp=0.49) dan berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi. Ia menggunakan dua puluh ítem soalan soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Berdasarkan dapatan kajian didapati sebelas ítem min yang menunjukkan interpretasi min pada tahap tinggi dan sembilan ítem menunjukkan sederhana tinggi. Perbandingan ítem secara terperinci menunjukkan ítem berpuasa penuh bulan Ramadan beroleh skor min paling tinggi (min=4.44, sp=0.80) dengan peratus responden sangat setuju dan setuju 88.5% dan ítem yang memperoleh skor min terendah ialah baca Al Mathurat jika ada masa terluang sahaja (min=3.16, sp=1.05) dengan peratus responden sangat setuju dan setuju 40%.

Dapatan data menunjukkan, ítem berpuasa penuh di bulan Ramadan memperolehi skor yang paling tinggi di kalangan pelatih ILMI (min=4.44, sp=0.80) dengan peratus responden sangat setuju dan setuju 88.5%. Ini menunjukkan bahawa anggota ATM ini mampu untuk

melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan walaupun mereka ini terlibat dengan pelbagai aktiviti latihan dan pengoperasian yang dilaksanakan. Seterusnya item menjaga hubungan baik terhadap Allah dan manusia menjadi item yang digemari oleh pelatih ILMI ini dengan skor (min=4.36, sp=0.68) dengan peratus responden sangat setuju dan setuju 89.4%. Keadaan ini perlu dikekalkan namun pemantapan dari segi pelaksanaan *ibadah khususiyah* yang amat penting dan diutamakan perlu diberi penekanan. Pelaksanaan solat secara berjemaah, ibadah puasa sunat dan bacaan Al Mathurat kurang diberi perhatian sedangkan ianya merupakan pemakanan rohani yang paling utama bagi mewujudkan pemantapan iman dan rohani, melahirkan kesefahaman dan kesatuan melalui solat berjemaah, pemantapan *ruhhi* dengan amalan-amalan sunat dan bacaan al Quran serta al Mathurat yang perlu diamalkan. Ini dibuktikan oleh item melaksanakan solat sunat Tahajud (min=3.55, sp=0.91) dengan peratus responden sangat setuju dan setuju 49.7% dan item melaksanakan puasa sunat (min=3.49, sp=0.91) dengan peratus responden sangat setuju dan setuju 46.2% serta ítem membaca Al Mathurat jika ada masa terluang sahaja (min=3.16, sp=1.05) dengan peratus responden sangat setuju dan setuju 40% merupakan tiga item yang memperoleh skor min paling rendah sekali.



<b>Amalan Ruhiyah</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Interpretasi</b>
Menjaga hubungan baik terhadap Allah dan manusia	1 0.3%	0 0.0%	35 10.3%	145 42.6%	159 46.8%	4.36	0.68	Tinggi
Membaca "Bismillah" setiap pekerjaan	1 0.3%	7 2.1%	60 17.6%	140 41.2%	132 38.8%	4.16	0.80	Tinggi
Istiqamah solat berjemaah	1 0.3%	5 1.5%	64 18.8%	158 46.5%	112 32.9%	4.10	0.77	Tinggi
Solat pada awal waktu	1 0.3%	7 2.1%	65 19.1%	158 46.5%	109 32.1%	4.08	0.78	Tinggi
Berwirid selepas solat	1 0.3%	10 2.9%	80 23.5%	151 44.4%	98 28.8%	3.99	0.81	Sederhana Tinggi
Melaksanakan solat sunat Tahajud	2 0.6%	36 10.6%	133 39.1%	112 32.9%	57 16.8%	3.55	0.91	Sederhana Tinggi
Berpuasa penuh bulan Ramadan	4 1.2%	4 1.2%	31 9.1%	102 30.0%	199 58.5%	4.44	0.80	Tinggi
Menggantikan puasa wajib	7 2.1%	10 2.9%	44 12.9%	122 35.9%	157 46.2%	4.21	0.92	Tinggi
Melaksanakan puasa sunat	7 2.1%	28 8.2%	148 43.5%	107 31.5%	50 14.7%	3.49	0.91	Sederhana Tinggi
Membuat potongan zakat gaji bulanan	11 3.2%	39 11.5%	96 28.2%	86 25.3%	108 31.8%	3.71	1.12	Sederhana Tinggi
Zakat membersihkan harta	3 0.9%	4 1.2%	51 15.0%	109 32.1%	173 50.9%	4.31	0.83	Tinggi
Menabung untuk menunaikan haji	3 0.9%	10 2.9%	49 14.4%	129 37.9%	149 43.8%	4.21	0.85	Tinggi
Hati belum terbuka untuk menunaikan haji	9 2.6%	29 8.5%	42 12.4%	127 37.4%	133 39.1%	4.02	1.04	Tinggi
Peruntukkan masa untuk membaca Al Quran	5 1.5%	11 3.2%	104 30.6%	161 47.4%	59 17.4%	3.76	0.82	Sederhana Tinggi
Membaca Yasin dan tahlil pada setiap malam Jumaat	2 0.6%	10 2.9%	71 20.9%	169 49.7%	88 25.9%	3.97	0.80	Sederhana Tinggi
Baca Al Mathurat jika ada masa terluang sahaja	24 7.1%	62 18.2%	118 34.7%	106 31.2%	30 8.8%	3.16	1.05	Sederhana Tinggi
Beristighfar apabila melakukan kesalahan	5 1.5%	9 2.6%	70 20.6%	165 48.5%	91 26.8%	3.96	0.84	Sederhana Tinggi
Mengamalkan perbuatan yang bertentangan Islam	23 6.8%	52 15.3%	30 8.8%	63 18.5%	172 50.6%	3.91	1.34	Sederhana Tinggi
Mengutamakan perintah Allah dan rasul daripada diri sendiri	6 1.8%	2 0.6%	64 18.8%	146 42.9%	122 35.9%	4.11	0.84	Tinggi
Melaksanakan perintah Allah dan rasul dengan hati yang terbuka	2 0.6%	0 0%	40 11.8%	142 41.8%	156 45.9%	4.32	0.72	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.99</b>	<b>0.49</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

**(c) Hubungan Antara pelaksanaan aktiviti keagamaan dengan penghayatan kerohanian**

Hasil analisis korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan antara aktiviti keagamaan dengan penghayatan kerohanian dipaparkan dalam jadual 1 seperti berikut:

Jadual 3

Korelasi Antara Pelaksanaan Aktiviti keagamaan dan Penghayatan Kerohanian

	r	Sig. P
<b>Pelaksanaan Aktiviti Keagamaan * Penghayatan Kerohanian</b>	<b>0.440</b>	<b>0.000*</b>

\*\* Korelasi adalah signifikan pada aras  $p < 0.05$  (2-tailed)

N=340

Analisis korelasi Pearson bagi mengenal pasti hubungan antara aktiviti keagamaan dengan penghayatan kerohanian di kalangan responden dalam kajian ini seperti dalam jadual 3. Ia menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana antara Pelaksanaan aktiviti keagamaan dengan penghayatan kerohanian ( $r=0.440$ ,  $p < 0.05$ ). Melalui analisis ini, Pelaksanaan aktiviti keagamaan dapat memberi sumbangan kepada penghayatan kerohanian dan walaupun ia berada pada tahap sederhana. Pendidikan ini perlu digarap dan dipelbagaikan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik supaya ianya dapat memberi kesan yang lebih efektif terhadap penghayatan dan pengamalan dalam kehidupan seharian anggota serta membentuk akhlak dan nilai keperibadian yang tinggi dalam masyarakat.

## KESIMPULAN

Secara umumnya, pelaksanaan kursus yang dilaksanakan di ILMI lebih diminati oleh anggota ATM berbanding pelaksanaan program yang sama di pasukan. Program tersebut diyakini mampu melahirkan individu anggota yang memiliki kriteria 3M iaitu muslim, mukmin dan muhsin. Ianya dapat memberikan kesan positif terhadap pembinaan kekuatan spiritual dan kekuatan tempur anggota. Namun ianya akan berkekalan berdasarkan tahap penerimaan anggota melalui nilai keikhlasan, penghayatan, pengamalan dan istiqamah dalam melaksanakan pengamalan tersebut.

## RUJUKAN

Al-Qur'an.

Al-Mawardi, Abu Hasan 'Ali Muhammad Habib al-Basri. 1960. Kitab *al-Abkam al-Sultaniyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.

Bahagian Inspektorat Jeneral, 2008, "*Malaysia armed forces strategic management system*", Kuala Lumpur, Kementerian Pertahanan.

Bahagian Inspektorat Jeneral, 2008, "*Pernyataan Arah ATM: Perintah Ulung Panglima Angkatan Tentera Malaysia*", Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.

Bahagian Inspektorat Jeneral, 2009, "*Pernyataan Arah ATM: Perintah Ulung Panglima Angkatan Tentera Malaysia*", Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.

- Berita Tentera Darat Malaysia, 2008. Markas Tentera Darat, Kementerian Pertahanan.
- Dr. Ali Abdul Halim Mahmud, (terj. Khozin Abu Faqih, Lc. Fachruddin, Lc), 2001, “*Rukun Jihad*”, Al-I’tishom Cahaya Umat, Jakarta.
- Dr Yahya Bashir Hamad al-Battusy, 2010/1431H, “*at-Takhtit al-Askari Fi as-Sunnah an-Nabawiyah*”, Maktabah al-Wataniyyah, Jordan, Cetakan Pertama.
- Jabatan Arah KAGAT. 1985. *Perintah Tetap KAGAT*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.
- Jabatan Arah KAGAT. 1998. *Arahan Pentadbiran KAGAT*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.
- Jabatan Arah KAGAT. 2007. *Manual Kualiti Jabatan Arah KAGAT*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.
- Khalid Ahmad Syantut, 2003, “*Al-Muslimun wa At-Tarbiyyah Al-Askariyyah*”(ter. Taufiq Khudori, S.A.G. Shadidq Khalidi, Era Intermedia, Solo.
- Jaafar Awang et.al, 2012, *Kajian Mengenal Pasti Tahap Keberkesanan Program Pendidikan Spritual Anggota ATM (KPPSA)*, Markas Angkatan Tentera Malaysia Jabatan Arah KAGAT, Kuala Lumpur.
- Nadzri bin Musnman, Saidatulis bt Sahid, Hapidi bin Husin, 2005, *Di Persada Kegemilangan*, Markas Angkatan Tentera Jabatan Arah KAGAT, Cetakan Pertama.
- Najmi Ahmad. 1995. *Ke arah penyempurnaan dasar pembinaan mental dan kerohanian Islam dalam ATM*. Kuala Lumpur: Bahagian Perkhidmatan Anggota. Kementerian Pertahanan.
- Noor Hisham Md Naw. 2011. *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, Cetakan Pertama.
- Said Hawa, 1979, “*Jundullah Thaqafan Wa Akhlaqan*”, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- Shantut, Khalid Ahmad. 1989. *Al Muslimun wa al-tarbiyyah al-askariyyah*. Al Kaherah: Dar al-Wafa’.
- Zuhayli, Wahbah. 1962. *Atasaru al-Harb fi al-Islam dirasah muqarranah*. Damsyik: Dar al-Fikr.